

MEMBINA KEDIAMAN YANG MENAWAN UNTUK SEMUA PERINGKAT UMUR:

Memenuhi aspirasi, mengukuhkan masyarakat

HDB akan membina lebih banyak projek Bina Ikut Tempahan (“BTO”) di lokasi yang baik. Flat Plus mengandungi lebih banyak subsidi tetapi juga sekatan yang lebih ketat. Ini termasuk had pendapatan sebanyak \$14,000 untuk pembeli jualan semula, yang meliputi 8 daripada 10 isi rumah warga Singapura. Ini akan membantu pembeli rumah yang sejati dan memastikan harga mampu milik bagi semua pembeli masa depan.

Mulai Oktober 2024, projek BTO baru akan diklasifikasi berdasarkan ciri-ciri lokasinya.

Klasifikasi	Lokasi	Subsidi	Syarat
 Standard	Kategori terbesar bekalan flat	Diskaun pasaran yang ketara	<p>Sekatan biasa bagi semua flat BTO, termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none">• Tempoh Penginapan Minimum (“MOP”) 5 tahun• Penyewaan keseluruhan flat dibenarkan (tertakluk kepada kelulusan HDB)• Tiada had pendapatan untuk pembeli jualan semula
 Plus	Lebih banyak lokasi pilihan Berhampiran kawasan tengah bandar, ketersambungan yang baik, mempunyai beberapa kemudahan, atau mempunyai ciri-ciri unik <i>(cth. kawasan tepian air ‘waterfront’)</i>	Lebih banyak subsidi tambahan selain daripada diskauan pasaran yang ketara	<p>Sekatan yang ketat !</p> <ul style="list-style-type: none">• Had pendapatan \$14,000 untuk keluarga dan individu bujang pembeli jualan semula<ul style="list-style-type: none">– Isi rumah yang selebihnya boleh mengakses stok sedia ada yang merangkumi 1.1 juta flat jualan semula• Subsidi yang dikembalikan selepas jualan semula (<i>lebih rendah daripada Perdana</i>)• MOP 10 tahun• Tiada penyewaan keseluruhan flat
 Perdana	Lokasi pilihan utama Terletak di kawasan tengah dan sekelilingnya, ketersambungan yang sangat baik, mempunyai banyak kemudahan, atau mempunyai ciri-ciri unik	Subsidi tambahan terbanyak selain daripada diskauan pasaran yang ketara	<p>Sekatan yang lebih ketat !</p> <ul style="list-style-type: none">• Had pendapatan \$14,000/\$7,000 untuk keluarga dan individu bujang pembeli jualan semula• Subsidi yang dikembalikan selepas jualan semula• MOP 10 tahun• Tiada penyewaan keseluruhan flat

1 Syarat kelayakan penjualan semula juga harus merangkumi sekurang-kurangnya 1 pembeli warga Singapura dan pemilik harta persendirian mesti menunggu 30 bulan setelah melupuskan harta persendirian mereka.

Tiada perubahan kepada syarat untuk 1.1 juta flat yang sedia ada.

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.mnd.gov.sg/bto-classification

